

Siasatan perolehan projek bawah DBKL siap minggu depan

Putrajaya: Siasatan berkaitan perolehan projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dikaitkan dengan seorang lembaga penasihatnya dijangka disiapkan minggu depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata siasatan sedang dijalankan pihak audit dalam DBKL tanpa memberi memberi tempoh untuk siasatan itu disiapkan.

Beliau berkata, siasatan itu akan membabitkan semua pihak termasuk memanggil Datuk Afdlin Shauki yang dikaitkan dengan kes itu untuk memberi keterangan.

Dr Zaliha berkata demikian kepada pemberita ketika menghadiri Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut Putrajaya di Taman Botani, di sini semalam.

“Saya berharap DBKL dan Yayasan Wilayah Persekutuan melaksanakan siasatan ini sebaik mungkin,” katanya.

Beliau berkata Afdlin berhak menafikan tuduhan itu, namun dari sudut tatakelola, jabatan khususnya dan agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan perlu melaksanakan perkara yang sepatutnya.

“Kita sedang jalankan siasatan dan saya masih menunggu hasil siasatan sekiranya terkait maka kita akan ambil tindakan seterusnya.

“Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak berkenaan kes itu seperti saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa kita pegang,” katanya.

Terdahulu media melaporkan Afdlin menafikan dakwaan be-



Dr Zaliha menghadiri Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut Putrajaya di Taman Botani, Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

liau terbabit dalam kes itu dan menganggap isu dimainkan sebagai agenda memburukkan namanya.

DBKL melancarkan siasatan dalaman sebaik saja isu ber-

kenaan tular di media sosial berkaitan projek kerja penerbitan kreatif untuk pihak berkuasa itu bernilai RM4 juta yang didakwa tidak melalui tender terbuka.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif, dilapor mengesahkan siasatan itu dan sedang bekerjasama rapat dengan unit integriti DBKL.